



Siaran Media Untuk Siaran Segera

PHB dan MAM Umumkan Pengagihan Pendapatan Interim & Bonus

Kuala Lumpur, 4 April 2019 – Pelaburan Hartanah Berhad (“PHB”) selaku Penaja dana Amanah Hartanah Bumiputera (AHB) dan Maybank Asset Management Sdn. Bhd. (MAM), selaku Pengurus Dana, hari ini mengumumkan pengagihan pendapatan interim dana AHB sebanyak 2.75 sen seunit. Pengagihan pendapatan interim ini adalah untuk tempoh enam bulan berakhir 31 Mac 2019. Selain itu, PHB turut mengumumkan pengagihan bonus sebanyak 0.25 sen seunit.

Walaubagaimanapun, bonus tersebut hanya layak untuk 500,000 unit pertama untuk setiap pemegang unit. Ini secara langsung menjadikan jumlah pengagihan pendapatan interim pada tahun 2019 bagi setiap individu adalah sebanyak 3.00 sen seunit.

Bagi pemegang-pemegang unit institusi, pengagihan pendapatan interim pada tahun 2019 adalah diantara 2.75 sen seunit ke 3.00 sen seunit bergantung kepada jumlah unit yang dimiliki.

Pengagihan pendapatan interim AHB ini adalah dikecualikan dari cukai dan telah dizakatkan dan akan dikreditkan terus ke dalam akaun bank pemegang-pemegang unit pada 12 April 2019. Manakala bagi Ahli Skim Pelaburan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (“KWSP”), agihan pendapatan akan dikreditkan ke dalam Akaun 1 KWSP.

AHB dengan harga tetap RM1.00 seunit adalah dana amanah berdasarkan hartanah yang patuh Syariah. Ia membolehkan pelabur-pelabur Bumiputera menyertai pemilikan benefisial aset-aset hartanah yang mampu memberi pulangan yang kompetitif serta dalam aliran pendapatan yang konsisten. Dana ini boleh dilanggan di semua cawangan Maybank, AmBank dan AmBank Islamic di seluruh Negara.

-Tamat-